

MALAYSIA 2011

**PERANGKAAN PERKHIDMATAN
SERVICES STATISTICS**

**PERKHIDMATAN
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
INFORMATION AND COMMUNICATION
SERVICES**



**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
PUTRAJAYA**

KATA PENGANTAR

Laporan ini memuatkan perangkaan bagi **Perkhidmatan Maklumat dan Komunikasi** yang merangkumi aktiviti **perkhidmatan penerbitan; wayang gambar, video dan program televisyen; telekomunikasi; komputer dan perkhidmatan maklumat**. Maklumat yang disediakan adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Data yang berkaitan dengan nilai output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dibayar dan nilai harta tetap diterbitkan dalam laporan ini. Data tersebut digunakan bagi tujuan membuat perancangan pembangunan dan penggubalan dasar serta bagi pengunjuran dan analisis ekonomi oleh kerajaan dan penyelidik.

Laporan ini mengandungi tiga bahagian. Penemuan daripada hasil bancian dibentangkan di bahagian pertama laporan ini. Aspek teknikal seperti objektif, skop dan liputan serta konsep dan definisi yang digunakan dalam banci ini dimuatkan di bahagian kedua laporan. Jadual perangkaan terperinci dipaparkan di bahagian ketiga bagi membolehkan pengguna membuat analisis.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang kepada laporan ini. Sebarang ulasan dan cadangan daripada para pengguna untuk menambah baik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN

Ketua Perangkawan
Malaysia

Jun 2012

PREFACE

*This report presents statistics on **Information and Communication Services** which encompasses **publishing; motion picture, video and television programme; telecommunications; computer and information service**. The information provided here is gathered through the Economic Census conducted in 2011 for reference year 2010.*

Data pertaining to value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages paid and value of fixed assets are published in this report. These data are used for planning and policy formulation as well as for economic projection and analysis by the government and researchers.

This report consists of three parts. Summary findings of the census is highlighted in the first part of the report. The second part focuses on the technical aspects including the objectives, scope and coverage as well as relevant concepts and definitions used in the census. Detailed statistical tables are included in the third part of the report to facilitate analysis by users.

I would like to express my appreciation to all parties concerned who have contributed towards this report. Comments and suggestions from users for improvement in future reports are greatly appreciated.

DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN

Chief Statistician

Malaysia

June 2012

KANDUNGAN
CONTENTS

	Muka surat <i>Page</i>
Kata pengantar <i>Preface</i>	i
Ringkasan penemuan <i>Summary findings</i>	13
Nota teknikal <i>Technical notes</i>	31

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Jadual
Table

BAHAGIAN A : PERKHIDMATAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
PART A : INFORMATION AND COMMUNICATION SERVICES

A1.	Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi <i>Principal statistics of information and communication</i>	
A1.1	Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut jenis, 2010 <i>Principal statistics of information and communication services by type, 2010</i>	53
A1.2	Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of information and communication by state, 2010</i>	54
A1.3	Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of information and communication by legal status, 2010</i>	55
A1.4	Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of information and communication by ownership, 2010</i>	56
A1.5	Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of information and communication services by output size, 2010</i>	57
A1.6	Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of information and communication services by employment size, 2010</i>	58

Jadual Table		Muka surat Pages
A1.7	Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of information and communication services by fixed assets size, 2010</i>	59
A1.8	Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in information and communication services by category of workers, 2010</i>	60
A1.9	Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi, 2010 <i>Capital expenditure and value of fixed assets in information and communication, 2010</i>	61
A1.10	Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut jenis, 2010 <i>Principal statistics of women-owned establishments in information and communication services by type, 2010</i>	62
A1.11	Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of women-owned establishments in information and communication services by state, 2010</i>	63
A2.	Aktiviti penerbitan <i>Publishing activities</i>	
A2.1	Perangkaan utama aktiviti penerbitan, 2009 - 2010 <i>Principal statistics of publishing activities, 2009 - 2010</i>	67
A2.2	Perangkaan utama aktiviti penerbitan mengikut jenis, 2010 <i>Principal statistics of publishing activities by type, 2010</i>	68
A2.3	Perangkaan utama aktiviti penerbitan mengikut negeri 2010 <i>Principal statistics of publishing activities by state, 2010</i>	69
A2.4	Perangkaan utama aktiviti penerbitan mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of publishing activities by legal organisation, 2010</i>	70
A2.5	Perangkaan utama aktiviti penerbitan mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of publishing activities by ownership, 2010</i>	71
A2.6	Perangkaan utama aktiviti penerbitan mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of publishing activities by output size, 2010</i>	72
A2.7	Perangkaan utama aktiviti penerbitan mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of publishing activities by employment size, 2010</i>	73
A2.8	Perangkaan utama aktiviti penerbitan mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of publishing activities by fixed assets size, 2010</i>	74

Jadual Table		Muka surat Pages
A2.9	Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam aktiviti penerbitan mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in publishing activities by category of workers, 2010</i>	75
A3.	Perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen <i>Motion picture, video and television programme services</i>	
A3.1	Perangkaan utama perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen mengikut aktiviti, 2010 <i>Principal statistics of motion picture, video and television programme services by activity, 2010</i>	79
A3.2	Perangkaan utama perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of motion picture, video and television programme services by state, 2010</i>	80
A3.3	Perangkaan utama perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of motion picture, video and television programme services by legal organisation, 2010</i>	81
A3.4	Perangkaan utama perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of motion picture, video and television programme services by ownership, 2010</i>	82
A3.5	Perangkaan utama perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of motion picture, video and television programme services by output size, 2010</i>	83
A3.6	Perangkaan utama perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of motion picture, video and television programme services by employment size, 2010</i>	84
A3.7	Perangkaan utama perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of motion picture, video and television programme services by fixed assets size, 2010</i>	85
A3.8	Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in motion picture, video and television programme services by category of workers, 2010</i>	86

Jadual Table		Muka surat Pages
A4.	Aktiviti pemprograman dan penyiaran <i>Programming and broadcasting activities</i>	
A4.1	Perangkaan utama aktiviti pemprograman dan penyiaran, 2000 - 2010 <i>Principal statistics of programming and broadcasting activities, 2000 - 2010</i>	89
A4.2	Perangkaan utama aktiviti pemprograman dan penyiaran mengikut jenis, 2010 <i>Principal statistics of programming and broadcasting activities by type, 2010</i>	90
A4.3	Perangkaan utama aktiviti pemprograman dan penyiaran mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of programming and broadcasting activities by legal organisation, 2010</i>	91
A4.4	Perangkaan utama aktiviti pemprograman dan penyiaran mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of programming and broadcasting activities by ownership, 2010</i>	92
A4.5	Perangkaan utama aktiviti pemprograman dan penyiaran mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of programming and broadcasting activities by output size, 2010</i>	93
A4.6	Perangkaan utama aktiviti pemprograman dan penyiaran mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of programming and broadcasting activities by employment size, 2010</i>	94
A4.7	Perangkaan utama aktiviti pemprograman dan penyiaran mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of programming and broadcasting activities by fixed assets size, 2010</i>	95
A4.8	Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam aktiviti pemprograman dan penyiaran mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in programming and broadcasting activities by category of workers, 2010</i>	96
A5.	Perkhidmatan telekomunikasi <i>Telecommunication services</i>	
A5.1	Perangkaan utama perkhidmatan telekomunikasi, 2000 - 2010 <i>Principal statistics of telecommunication services, 2000 - 2010</i>	99
A5.2	Perangkaan utama perkhidmatan telekomunikasi mengikut jenis, 2010 <i>Principal statistics of telecommunication services by type, 2010</i>	100

Jadual <i>Table</i>		Muka surat <i>Pages</i>
A5.3	Perangkaan utama perkhidmatan telekomunikasi mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of telecommunication services by legal organisation, 2010</i>	101
A5.4	Perangkaan utama perkhidmatan telekomunikasi mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of telecommunication services by ownership, 2010</i>	102
A5.5	Perangkaan utama perkhidmatan telekomunikasi mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of telecommunication services by output size, 2010</i>	103
A5.6	Perangkaan utama perkhidmatan telekomunikasi mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of telecommunication services by employment size, 2010</i>	104
A5.7	Perangkaan utama perkhidmatan telekomunikasi mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of telecommunication services by fixed assets size, 2010</i>	105
A5.8	Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam perkhidmatan telekomunikasi mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in telecommunication services by category of workers, 2010</i>	106
A6.	Perkhidmatan komputer <i>Computer services</i>	
A6.1	Perangkaan utama perkhidmatan komputer, 2000 - 2010 <i>Principal statistics of computer services, 2000 - 2010</i>	109
A6.2	Perangkaan utama perkhidmatan komputer mengikut jenis, 2010 <i>Principal statistics of computer services by type, 2010</i>	110
A6.3	Perangkaan utama perkhidmatan komputer mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of computer services by state, 2010</i>	112
A6.4	Perangkaan utama perkhidmatan komputer mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of computer services by legal organisation, 2010</i>	113
A6.5	Perangkaan utama perkhidmatan komputer mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of computer services by ownership, 2010</i>	114

Jadual <i>Table</i>		Muka surat <i>Pages</i>
A6.6	Perangkaan utama perkhidmatan komputer mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of computer services by output size, 2010</i>	115
A6.7	Perangkaan utama perkhidmatan komputer mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of computer services by employment size, 2010</i>	116
A6.8	Perangkaan utama perkhidmatan komputer mengikut saiz kumpulan harta, 2010 <i>Principal statistics of computer services by assets size group, 2010</i>	117
A6.9	Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam perkhidmatan komputer mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in computer services by category of workers, 2010</i>	118
A7.	Aktiviti perkhidmatan maklumat <i>Information service activities</i>	
A7.1	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan maklumat, 2000 - 2010 <i>Principal statistics of information service activities, 2000 - 2010</i>	121
A7.2	Perangkaan utama perkhidmatan aktiviti maklumat mengikut jenis, 2010 <i>Principal statistics of information service activities by type, 2010</i>	122
A7.3	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan maklumat mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of information service activities by state, 2010</i>	123
A7.4	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan maklumat mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of information service activities by legal organization, 2010</i>	124
A7.5	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan maklumat mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of information service activities by ownership, 2010</i>	125
A7.6	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan maklumat mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of information services activities by output size, 2010</i>	126
A7.7	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan maklumat mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of information service activities by employment size, 2010</i>	127
A7.8	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan maklumat mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of information service activities by fixed assets size, 2010</i>	128

Jadual <i>Table</i>		Muka surat <i>Pages</i>
A7.9	Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam aktiviti perkhidmatan maklumat mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages by category of workers in information service activities, 2010</i>	129
BAHAGIAN B : PENUNJUK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI PART B : INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY INDICATORS		
B1.	Perdagangan luar negeri bagi barang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) <i>External trade of information and communications technology (ICT) goods</i>	133
B1.1	Import dan eksport barang elektrik dan elektronik, 2000 - 2011 <i>Imports and exports of electrical and electronic goods, 2000 - 2010</i>	133
B1.2	Import barang elektrik dan elektronik mengikut negara-negara terpilih, 2009 - 2011 <i>Imports of electrical and electronic goods by selected countries, 2009 - 2011</i>	134
B1.3	Eksport barang elektrik dan elektronik mengikut negara-negara terpilih, 2009 - 2011 <i>Exports of electrical and electronic goods by selected countries, 2009 - 2011</i>	135
B1.4	Import barang elektrik dan elektronik mengikut kumpulan ekonomi, 2009 - 2011 <i>Imports of electrical and electronic goods by economic groupings, 2009 - 2011</i>	136
B1.5	Eksport barang elektrik dan elektronik mengikut kumpulan ekonomi, 2009 - 2011 <i>Exports of electrical and electronic goods by economic groupings, 2009 - 2011</i>	137
B2.	Taburan peratus isi rumah yang mempunyai kemudahan peralatan ICT, Malaysia <i>Percentage distribution of households with access to ICT items, Malaysia</i>	138
	Taburan peratus isi rumah yang mempunyai kemudahan peralatan ICT, Malaysia, 2009 <i>Percentage distribution of households with access to ICT items, Malaysia, 2009</i>	138

Jadual <i>Table</i>		Muka surat <i>Pages</i>
B3.	Perangkaan telekomunikasi, Malaysia <i>Telecommunication statistics, Malaysia</i>	
B3.1	Perangkaan telekomunikasi, Malaysia, 2000 - 2010 <i>Telecommunications statistics, Malaysia, 2000 - 2010</i>	139
B3.2	Perangkaan telekomunikasi mengikut jenis perkhidmatan, Malaysia, 2001 - 2011 <i>Telecommunications statistics by type of services, Malaysia, 2001 - 2010</i>	140
B4.	Penggunaan telefon, internet dan komputer bagi negara - negara terpilih <i>Telephone, internet and computer usage of selected countries</i>	
	Penggunaan telefon, internet dan komputer bagi negara-negara terpilih, 2011 <i>Telephone, internet and computer usage of selected countries, 2011</i>	141

Lampiran
Appendix

Lampiran 1 <i>Appendix 1</i>	Senarai industri di dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi <i>List of industries included in the information and communication services</i>	145
Lampiran 2 <i>Appendix 2</i>	Senarai bahagian dan kumpulan komoditi bagi import & eksport barang elektrik dan elektronik <i>List of commodity divisions and groups for imports & exports of electrical and electronic goods</i>	146
Lampiran 3 <i>Appendix 3</i>	Senarai kumpulan ekonomi / nama negara <i>List of economic groupings / country names</i>	147

RINGKASAN PENEMUAN

*SUMMARY
FINDINGS*

**PERANGKAAN PERKHIDMATAN
PERKHIDMATAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, 2010**

I. PENGENALAN

Laporan ini membentangkan perangkaan perkhidmatan maklumat dan komunikasi yang terdiri daripada aktiviti penerbitan; wayang gambar, video dan televisyen; perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan perkhidmatan maklumat. Data ini merujuk kepada data Banci Ekonomi tahun rujukan 2010. Data untuk perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan perkhidmatan maklumat merupakan data yang telah dikumpul bermula dari tahun 2000. Manakala data bagi perkhidmatan penerbitan bermula dari tahun 2009, sementara data bagi wayang gambar, video dan program televisyen baru pertama kali diliputi pada tahun 2010.

II. PRESTASI PERKHIDMATAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Berdasarkan keputusan banci, sejumlah 2.379 pertubuhan beroperasi di dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi pada tahun 2010. Nilai output kasar dan nilai ditambah yang dihasilkan oleh pertubuhan ini masing-masing berjumlah RM81.9 bilion dan RM42.1 bilion. Jumlah pekerja di dalam perkhidmatan ini adalah seramai 131,127 orang pekerja, manakala jumlah gaji & upah yang dibayar adalah RM6.4 bilion. Sementara itu, nilai harta tetap perkhidmatan ini adalah RM30.0 bilion pada tahun 2010.


Jadual 1.1 : Perangkaan utama perkhidmatan maklumat dan komunikasi, 2010

Jenis perkhidmatan	Bilangan pertubuhan	Nilai output kasar (RM juta)	Nilai ditambah (RM juta)	Jumlah pekerja	Gaji & upah yang dibayar (RM juta)	Nilai harta tetap (RM juta)
Jumlah	2,379	81,882	42,096	131,127	6,393	30,038
Penerbitan	128	1,018	503	4,671	165	233
Wayang gambar, video dan program televisyen	323	1,897	1,056	4,956	118	427
Pemprograman dan penyiaran	15	995	525	2,290	141	289
Telekomunikasi	342	56,442	28,147	44,458	2,369	26,323
Perkhidmatan komputer	1,366	17,785	9,363	61,468	3,021	2,165
Perkhidmatan maklumat	205	3,745	2,502	13,284	579	601


Dari segi **bilangan pertubuhan**, perkhidmatan komputer merupakan bilangan pertubuhan yang tertinggi iaitu 1,366 pertubuhan (57.4 peratus), manakala baki 42.6 peratus adalah jenis perkhidmatan yang lain seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.1.

Carta 1.1 : Peratus taburan nilai output kasar mengikut jenis, 2010

Nilai output kasar bagi perkhidmatan maklumat dan komunikasi adalah RM81.9 bilion. Penyumbang utama bagi nilai ini adalah perkhidmatan telekomunikasi dengan nilai output kasar sebanyak RM56.4 bilion (68.9 peratus). Ini diikuti pula oleh perkhidmatan komputer, RM17.8 bilion (21.7 peratus) dan perkhidmatan maklumat, RM3.7 bilion (4.6 peratus) (Carta 1.1).




Carta 1.2: Peratus taburan nilai ditambah mengikut jenis, 2010



Situasi yang sama juga wujud bagi **nilai ditambah**, yang mana pada tahun 2010 nilai ditambah adalah direkodkan sebanyak RM42.1 bilion. Perkhidmatan telekomunikasi merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak RM28.1 bilion (66.9 peratus). Ini diikuti pula oleh perkhidmatan komputer, RM9.4 bilion (22.2 peratus) dan perkhidmatan maklumat, RM2.5 bilion (5.9 peratus) (Carta 1.2).


Carta 1.3: Peratus taburan nilai harta tetap mengikut jenis, 2010

Perkhidmatan telekomunikasi juga merupakan penyumbang utama bagi **nilai harta tetap** iaitu RM26.3 bilion (87.6 peratus), dan diikuti oleh perkhidmatan komputer, RM2.2 bilion (7.2 peratus) (Carta 1.3).



Jumlah bilangan pekerja dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi adalah seramai 131,127 orang. Perkhidmatan komputer merupakan penyumbang tertinggi bagi pekerja iaitu seramai, 61,468 orang (46.9 peratus), diikuti oleh perkhidmatan telekomunikasi, 44,458 orang (33.9 peratus) dan perkhidmatan maklumat, 13,284 orang (10.1 peratus) (Carta 1.4).

Carta 1.4 : Peratus taburan bilangan pekerja mengikut jenis, 2010



Jadual 1.2 menunjukkan jumlah pekerja sepenuh masa adalah seramai 128,986 orang atau 98.4 peratus. Daripada jumlah tersebut, pekerja pengurusan, professional dan eksekutif merupakan pekerja yang paling ramai iaitu seramai 61,545 orang atau 46.9 peratus. Dari segi jantina pula, pekerja lelaki di dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi adalah paling ramai iaitu 62.3 peratus berbanding pekerja perempuan, 37.7 peratus.

Jadual 1.2 : Bilangan pekerja mengikut kategori pekerja, 2010

Kategori pekerja	Jumlah pekerja					
	Jumlah	%	Lelaki	%	Perempuan	%
Jumlah	131,127	100	81,665	62.3	49,462	37.7
Jumlah pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji	30	-	28	93.3	2	6.7
Jumlah pekerja sepenuh masa	128,986	98.4	80,279	62.2	48,707	37.8
Pengurusan, professional dan eksekutif	61,545	46.9	40,367	65.6	21,178	34.4
Teknikal dan penyeliaan	35,542	27.1	25,825	72.7	9,717	27.3
Pekerianan dan pekerjaan yang berkaitan	22,637	17.3	8,984	39.7	13,653	60.3
Pekerja am	9,262	7.1	5,103	55.1	4,159	44.9
Pekerja bergaji (sambilan)	2,111	1.6	1,358	64.3	753	35.7

Jumlah **gaji & upah yang dibayar** adalah sebanyak RM6.4 bilion, yang mana perkhidmatan komputer merupakan perkhidmatan tertinggi yang membayar gaji & upah kepada pekerja iaitu sebanyak RM3.0 bilion atau 47.3 peratus. Ini selari dengan bilangan pekerja bergaji, yang mana perkhidmatan komputer merupakan perkhidmatan yang mempunyai ramai pekerja berbanding perkhidmatan lain iaitu seramai 61,452 orang atau 46.9 peratus. Pekerja dalam perkhidmatan pemprograman dan penyiaran menerima purata gaji tahunan tertinggi, RM61,572 seperti di dalam Jadual 1.3.


Jadual 1.3 : Gaji & upah yang dibayar dan purata gaji tahunan per pekerja dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi, 2010

Jenis	Bilangan pekerja	%	Pekerja bergaji	%	Gaji & upah (RM'000)	%	Purata gaji tahunan per pekerja (RM)
Jumlah	131,127	100.0	131,097	100.0	6,393	100.0	48,765
Penerbitan	4,671	3.6	4,671	3.6	165	2.6	35,324
Wayang gambar, video dan program televisyen	4,956	3.8	4,948	3.8	118	1.8	23,848
Pemprograman dan penyiaran	2,290	1.7	2,290	1.7	141	2.2	61,572
Telekomunikasi	44,458	33.9	44,458	33.9	2,369	37.1	53,286
Komputer	61,468	46.9	61,452	46.9	3,021	47.3	49,160
Perkhidmatan maklumat	13,284	10.1	13,278	10.1	579	9.1	43,606

III. PRESTASI MENGIKUT NEGERI


Dari segi **bilangan pertubuhan** pula, Selangor merupakan penyumbang tertinggi di dalam perkhidmatan maklumat dan komunikasi dengan jumlah pertubuhan sebanyak 1,171 atau 49.2 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dengan jumlah masing-masing sebanyak 1,001 pertubuhan atau 42.1 peratus dan 57 pertubuhan atau 2.4 peratus (Carta 2.1).

Carta 2.1 : Taburan peratus bilangan pertubuhan mengikut negeri, 2010



W.P. Kuala Lumpur merekodkan nilai output kasar dan nilai ditambah tertinggi masing - masing iaitu RM59.0 bilion dan RM29.0 bilion. Ini diikuti pula oleh negeri Selangor dengan nilai output kasar, RM21.7 bilion dan nilai ditambah, RM12.4 bilion (Carta 2.2).

Carta 2.2 : Taburan peratus nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut negeri, 2010



Nota:

Lain - lain negeri merujuk kepada negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.


IV. PRESTASI PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Sebanyak 184 pertubuhan (7.7 peratus) bagi perkhidmatan maklumat dan komunikasi merupakan pertubuhan milikan wanita (Jadual 3.1).

Jadual 3.1 : Taburan peratus pertubuhan milikan wanita, 2010

Jenis	Bilangan pertubuhan		%
	Keseluruhan	Pertubuhan milikan wanita	
Jumlah	2,379	184	7.7
Penerbitan	128	11	8.6
Wayang gambar, video dan program televisyen	323	64	19.8
Pemprograman dan penyiaran	15	-	-
Telekomunikasi	342	15	4.4
Komputer	1,366	84	6.1
Perkhidmatan maklumat	205	10	4.9

Carta 3.1 : Taburan peratus pertubuhan milikan wanita mengikut jenis, 2010




Pertubuhan milikan wanita yang tertinggi adalah di dalam perkhidmatan komputer iaitu 45.7 peratus. Ini diikuti oleh wayang gambar, video dan program televisyen, 34.8 peratus. Manakala pertubuhan perkhidmatan maklumat, merupakan pertubuhan milikan wanita yang paling sedikit iaitu 5.4 peratus (Carta 3.1).

Didapati bahawa, negeri Selangor merekodkan peratus tertinggi iaitu 52.7 peratus, diikuti oleh W.P.Kuala Lumpur, 31.0 peratus dan negeri-negeri lain sebanyak 16.3 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Carta 3.2.

Nota:

Lain - lain negeri merujuk kepada negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Carta 3.2 : Taburan peratus pertubuhan milikan wanita mengikut negeri, 2010




III. PENUNJUK ICT

Penunjuk - penunjuk ke atas ICT di dalam penerbitan ini diperoleh daripada sumber sekunder. Data kadar penembusan dan penggunaan telefon diperoleh daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan *International Telecommunication United* (ITU). Data perdagangan luar negeri bagi barang ICT dan penggunaan ICT bagi isi rumah adalah berdasarkan penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.


A. Perdagangan luar negeri bagi barang ICT

Nilai import dan eksport bagi barang elektrik dan elektronik masing-masing adalah sebanyak RM177.9 bilion dan RM236.5 bilion pada tahun 2010. Carta 4.1 menunjukkan 18.4 peratus barang elektrik dan elektronik telah diimport dari Republik Rakyat China dan diikuti oleh Amerika Syarikat, 15.0 peratus. Republik Rakyat China juga merupakan penerima eksport barang elektrik dan elektronik Malaysia yang tertinggi iaitu 17.6 peratus dan diikuti oleh Republik Singapura, 13.6 peratus (Carta 4.2).

Carta 4.1 : Import barang elektrik dan elektronik Malaysia, 2011



Carta 4.2 : Eksport barang elektrik dan elektronik Malaysia, 2011



Jadual 4.1 menunjukkan bahawa jentera, radas & perkakas elektrik, t.t.t.l dan alat ganti menyumbang 71.7 peratus kepada import barang elektrik dan elektronik dan 59.6 peratus kepada eksport barang elektrik dan elektronik. Ini diikuti oleh barang mesin pejabat & kelengkapan pemprosesan data automatik dengan 15.1 peratus kepada import barang elektrik dan elektronik dan 22.8 peratus kepada eksport barang elektrik dan elektronik.


Jadual 4.1: Import and eksport barang elektrik dan elektronik, 2011

Barangan elektrik dan elektronik	Import		Eksport	
	RM juta	%	RM juta	%
Mesin pejabat & kelengkapan pemprosesan data automatik	26,774	15.1	54,055	22.8
Perkakas & kelengkapan telekomunikasi dan rakaman suara & penghasilan semula	23,504	13.2	41,600	17.6
Jentera, radas & perkakas elektrik, t.t.t.l dan alat ganti	127,612	71.7	140,882	59.6
Jumlah	177,889	100.0	236,537	100.0

B. Kadar penembusan bagi sambungan talian tetap dan telefon selular

Kadar penembusan bagi sambungan talian tetap DEL menurun dari 19.7 per 100 populasi pada tahun 2000 kepada 15.1 per 100 populasi pada 2009. Manakala bagi tahun 2010 dan 2011, tiada data direkodkan bagi sambungan talian tetap DEL. Sebaliknya kadar penembusan bagi telefon selular telah melonjak daripada 21.8 per 100 populasi pada tahun 2000 kepada 127.7 per 100 populasi pada tahun 2011 (Carta 5).

Carta 5 : Kadar penembusan pelanggan bagi sambungan talian tetap dan telefon selular per 100 populasi, Malaysia, 2000 - 2010



Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Jumlah pelanggan telefon selular pada tahun 2011 adalah seramai 36.7 juta pelanggan, yang mana pelanggan prabayar adalah seramai 29.6 juta pelanggan dan 7.1 juta pelanggan adalah pelanggan pasca bayar. Jadual 5 juga turut menunjukkan bilangan perkhidmatan pesanan pendek (SMS) telah menurun 4.1 peratus kepada 93.1 bilion pada tahun 2011 berbanding 97.1 bilion pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, jumlah langganan perkhidmatan jalur lebar meningkat sebanyak 20.4 peratus daripada 4.7 bilion pada tahun 2010 kepada 5.7 bilion pada tahun 2011 (Jadual 5).

Jadual 5 : Bilangan langganan bagi telefon selular, perkhidmatan pesanan pendek dan jalur lebar, 2010 - 2011

Jenis perkhidmatan	Tahun		Peratusan perubahan (%)
	2010	2011	
1. Telefon selular			
- Pasca bayar (juta)	6.7	7.1	6.0
- Prabayar (juta)	26.4	29.6	12.1
Bilangan pelanggan (juta)	33.1	36.7	10.9
2. Perkhidmatan pesanan pendek (SMS)			
Perkhidmatan pesanan pendek (SMS) (juta)	97,141.2	93,119.7	(4.1)
3. Jalur lebar			
Bilangan langganan jalur lebar (ribu)	4,722.2	5,686.9	20.4

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SERVICES STATISTICS
INFORMATION AND COMMUNICATION SERVICES, 2010

I. INTRODUCTION

This report presents statistics on information and communication services comprising publishing activities; motion picture, video and television; telecommunications services; computer services and information services. These data were compiled from the Economic Census for reference year 2010. Data on telecommunication, computer and information services are available since 2000 and publishing activities since 2009, while data on motion picture, video and television are compiled for the first time.

II. PERFORMANCE OF INFORMATION AND COMMUNICATION SERVICES

Based on the census results, a total of 2,379 establishments were operating in the information and communication services in 2010. The value of gross output and value added generated by these establishments amounted to RM81.9 billion and RM42.1 billion respectively. These establishments engaged 131,127 employees with total salaries & wages paid, RM6.4 billion. Meanwhile, the value of fixed assets owned by these establishments was RM30.0 billion.

Table 1.1 : Principal statistics of information and communication services, 2010

Type of services	Number of establishments	Value of gross output (RM million)	Value added (RM million)	Number of persons engaged	Salaries & wages paid (RM million)	Value of fixed assets (RM million)
Total	2,379	81,882	42,096	131,127	6,393	30,038
Publishing	128	1,018	503	4,671	165	233
Motion picture, video and television programme	323	1,897	1,056	4,956	118	427
Programming and broadcasting	15	995	525	2,290	141	289
Telecommunication	342	56,442	28,147	44,458	2,369	26,323
Computer	1,366	17,785	9,363	61,468	3,021	2,165
Information	205	3,745	2,502	13,284	579	601

*In terms of **number of establishments**, the computer services engaged the most number, with 1,366 establishments (57.4 per cent), while the remaining 42.6 per cent were distributed among the other type of services, as shown in Table 1.1.*

Chart 1.1 : Percentage distribution of value of gross output by type, 2010

Value of gross output generated by the information and communication services was RM81.9 billion. Within this group, the largest contributor to output was telecommunication services with RM56.4 billion (68.9 per cent). This was followed by computer services, RM17.8 billion (21.7 per cent) and information services, RM3.7 billion (4.6 per cent) (Chart 1.1).






Chart 1.2 : Percentage distribution of value added by type, 2010



This pattern is also similar in terms of **value added**, where in 2010, this sector recorded RM42.1 billion. Telecommunication services contributed the highest, RM28.1 billion (66.9 per cent), followed by computer services, RM9.4 billion (22.2 per cent) and information services, RM2.5 billion (5.9 per cent) (Chart 1.2).

Chart 1.3 : Percentage distribution of fixed assets by type, 2010

In terms of **fixed assets**, establishments engaged in telecommunication services owned the highest value of fixed assets with RM26.3 billion (87.6 per cent), followed by computer services, RM2.2 billion (7.2 per cent) (Chart 1.3).



Total number of persons engaged was 131,127 persons. Computer services accounted for the largest proportion of total persons engaged, 61,468 persons (46.9 per cent), followed by telecommunication services, 44,458 persons (33.9 per cent) and information services, 13,284 persons (10.1 per cent) (Chart 1.4).

Chart 1.4 : Percentage distribution of number of persons engaged by type, 2010




Table 1.2 shows the number of paid full-time employees was 128,986 persons or 98.4 per cent. Out of this number, managerial, professional and executives was the highest, 61,545 persons or 46.9 per cent. In terms of number of persons engaged by gender, male workers in the information and communication services was the highest with 62.3 per cent, as compared to female workers, 37.7 per cent.

Table 1.2 : Number of persons engaged by category of workers, 2010

Category of workers	Number of persons engaged					
	Total	%	Male	%	Female	%
Total	131,127	100	81,665	62.3	49,462	37.7
Total working proprietors and unpaid family workers	30	0.0	28	93.3	2	6.7
Total full-time employees	128,986	98.4	80,279	62.2	48,707	37.8
Managerial, professional and executive	61,545	46.9	40,367	65.6	21,178	34.4
Technical and supervisory	35,542	27.1	25,825	72.7	9,717	27.3
Clerical and related occupation	22,637	17.3	8,984	39.7	13,653	60.3
General workers	9,262	7.1	5,103	55.1	4,159	44.9
Part-time employees	2,111	1.6	1,358	64.3	753	35.7

Total salaries & wages disbursed was RM6.4 billion, of which computer services spent the most, RM3.0 billion or 47.3 per cent. This commensurate with the number of paid employees which was also the highest, at 61,452 persons or 46.9 per cent. Employees in the programming and broadcasting services earned the highest, RM61,572 as shown in Table 1.3.


Table 1.3 : Salaries & wages paid and average annual salary per employee in information and communication services, 2010

Type	Number of persons engaged	%	Paid employees	%	Total salaries & wages paid (RM million)	%	Average annual salary received per employee (RM)
Total	131,127	100.0	131,097	100.0	6,393	100.0	48,765
<i>Publishing</i>	4,671	3.6	4,671	3.6	165	2.6	35,324
<i>Motion picture, video and television programme</i>	4,956	3.8	4,948	3.8	118	1.8	23,848
<i>Programming and broadcasting</i>	2,290	1.7	2,290	1.7	141	2.2	61,572
<i>Telecommunication</i>	44,458	33.9	44,458	33.9	2,369	37.1	53,286
<i>Computer</i>	61,468	46.9	61,452	46.9	3,021	47.3	49,160
<i>Information</i>	13,284	10.1	13,278	10.1	579	9.1	43,606

III. PERFORMANCE BY STATE


In terms of **number of establishments**, Selangor lead with 1,171 establishments or 49.2 per cent. This was followed by W.P. Kuala Lumpur and Pulau Pinang which accounted for 1,001 establishments or 42.1 per cent and 57 establishments or 2.4 per cent respectively (Chart 2.1).

Chart 2.1 : Percentage distribution of number of establishments by state, 2010



On the other hand, W.P. Kuala Lumpur registered the highest value of gross output and value added with RM59.0 billion and RM29.0 billion respectively. This was followed by Selangor with RM21.7 billion and RM12.4 billion of value of gross output and value added (Chart 2.2).

Chart 2.2 : Percentage distribution of value of gross output and value added by state, 2010



Notation :

Other states refer to Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Sabah and Sarawak


IV. WOMEN-OWNED ESTABLISHMENTS

Women-owned establishments number 184 (7.7 per cent) in the information and communication services (Table 3.1).

Table 3.1 : Percentage distribution of women-owned establishments, 2010

Type	Number of establishments		%
	Overall	Women-owned establishments	
Total	2,379	184	7.7
Publishing	128	11	8.6
Motion picture, video and television programme	323	64	19.8
Programming and broadcasting	15	-	-
Telecommunication	342	15	4.4
Computer	1,366	84	6.1
Information	205	10	4.9

Chart 3.1 : Percentage distribution of women-owned establishments by type, 2010



Number of establishments : 184


It was also noted that Selangor registered the highest number with 52.7 per cent, followed by W.P. Kuala Lumpur, 31.0 per cent and the other states, 16.3 per cent as shown in Chart 3.2.

Notation :

Other states refer to Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Sabah and Sarawak.

Computer services had the highest number of these establishments, with 45.7 per cent. Next was motion picture, video and television programme with 34.8 per cent. Information services had only 5.4 per cent of women-owned establishments (Chart 3.1).

Chart 3.2 : Percentage distribution of women owned establishments by state, 2010



Number of establishments : 184

IV. ICT INDICATORS

Indicators on ICT obtained from secondary sources are also published in this report. Data on penetration rate and telephone usage are obtained from the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) and International Telecommunication Union (ITU). Data on external trade of ICT goods and households access to ICT are obtained from the Department of Statistics, Malaysia.

A. External trade of ICT goods

The value of imports and exports of electrical and electronic goods in 2011 was RM177.9 billion and RM236.5 billion respectively. Chart 4.1 showed that 18.4 per cent of electrical and electronic goods were imported from the People's Republic of China followed by the United States of America, 15.0 per cent. Similarly the exports of these goods were also to the People's Republic of China, 17.6 per cent and Republic of Singapore at 13.6 per cent (Chart 4.2).

Chart 4.1 : Malaysia's imports of electrical and electronic goods, 2011




Chart 4.2 : Malaysia's exports of electrical and electronic goods, 2011




Table 4.1 shows that electrical machinery, apparatus and appliances, n.e.c and electrical parts thereof accounted for 71.7 per cent of the total imports of electrical and electronic goods and 59.6 per cent of the total exports of electrical and electronic goods. This was followed by office machines and automatic data processing equipment with imports at 15.1 per cent and exports 22.8 per cent.


Table 4.1 : Imports and exports of electrical and electronic goods, 2011

Electrical and electronic goods	Imports		Exports	
	RM million	%	RM million	%
Office machines and automatic data processing equipment	26,774	15.1	54,055	22.8
Telecommunications and sound recording and reproducing apparatus & equipment	23,504	13.2	41,600	17.6
Electrical machinery, apparatus and appliances, n.e.c and electrical parts thereof	127,612	71.7	140,882	59.6
Total	177,889	100.0	236,537	100.0

B. Penetration rate of fixed line and cellular phone

The penetration rate for fixed line DEL connections is on a declining trend, decreasing from 19.7 per 100 population in 2000 to 15.1 per 100 population in 2009. Data on 2010 and 2011 are not available for fixed line DEL connections. On the other hand, the penetration rate for cellular phones has been increasing from 21.8 per 100 population in 2000 to 127.7 per 100 population in 2011 (Chart 5).

Chart 5 : Penetration rate of fixed line DEL connections and cellular phone subscribers per 100 population, Malaysia , 2000 - 2010



Source : Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC)

In 2011, there were 36.7 million cellular phone subscribers. Of this total, 29.6 million subscribers were prepaid subscribers and 7.1 million were postpaid subscribers. In addition, the total number of short message services (SMS) decreased 4.1 per cent to 93.1 billion in 2011 as compared to 97.1 billion in 2010. However, the number of broadband subscribers rose 20.4 per cent from 4.7 billion in 2010 to 5.7 billion in 2011 (Table 5).

Table 5 : Number of subscribers of telephone cellular, short message services and broadband, 2010 - 2011

Type of services	Year 2010	Year 2011	Percentage change (%)
1. Cellular phones			
- Postpaid (million)	6.7	7.1	6.0
- Prepaid (million)	26.4	29.6	12.1
Number of subscribers (million)	33.1	36.7	10.9
2. Short message services (SMS)			
Short message services (SMS) (million)	97,141.2	93,119.7	(4.1)
3. Broadband			
Number of broadband subscriptions (thousand)	4,722.2	5,686.9	20.4

Source : Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC)

NOTA TEKNIKAL

*TECHNICAL
NOTES*

NOTA TEKNIKAL

Pendahuluan	Laporan ini memuatkan data perangkaan perkhidmatan maklumat dan komunikasi bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011.
Objektif	Objektif utama Banci ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pertumbuhan, komposisi, profil dan perangkaan utama bagi subsektor ini untuk membantu kerajaan dalam perancangan pembangunan dan penggubalan dasar. Data yang diperoleh digunakan dalam penyusunan akaun negara, jadual input output, indeks perkhidmatan dan kajian tertentu. Maklumat tersebut juga digunakan oleh pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat analisis ekonomi.
Kuasa perundangan	Banci ini dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) . Seksyen 5 di bawah akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan.
Skop dan liputan	Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan maklumat dan komunikasi yang merangkumi aktiviti penerbitan; perkhidmatan wayang gambar, video dan program televisyen; telekomunikasi; komputer dan perkhidmatan maklumat di seluruh Malaysia.
Konsep dan definisi	Definisi perkhidmatan maklumat dan komunikasi yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Ver. 1.0 (MSIC 2008): i. Aktiviti penerbitan Aktiviti penerbitan termasuk pemerolehan hak cipta terhadap kandungan (produk informasi) dan menjadikan kandungan ini tersedia kepada umum menerusi (atau mengatur bagi) pengeluaran semula dan pengedaran dalam pelbagai bentuk. Semua bentuk penerbitan yang boleh dihasilkan (dalam bentuk cetakan, elektronik atau audio, di internet, sebagai produk multimedia seperti buku rujukan dalam bentuk CD-ROM, dll.), diliputi dalam bahagian ini kecuali penerbitan wayang gambar. ii. Aktiviti penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen Aktiviti penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen, termasuk pengeluaran wayang gambar untuk panggung dan bukan panggung sama ada

filem, pita video atau cakera untuk tayangan di pawagam atau siaran televisyen; aktiviti sokongan seperti suntingan, tapisan dan alih suara filem dll; pengedaran wayang gambar dan produksi filem lain kepada industri lain; termasuk tayangan wayang gambar atau produksi filem lain.

Juga termasuk pembelian dan penjualan wayang gambar atau hak penyebaran pengeluaran filem lain. Selain itu ia juga termasuk aktiviti rakaman bunyi seperti mengeluar, menyiarkan, mempromosi dan mengedar rakaman bunyi asal, penerbitan muzik dan juga aktiviti perkhidmatan rakaman bunyi di studio dan di tempat lain termasuklah rakaman rancangan radio, audio untuk filem, televisyen dll. Aktiviti penerbitan muzik contohnya mendapat dan mendaftar hak cipta untuk gubahan muzik, promosi, kebenaran dan penggunaan rakaman gubahan, radio televisyen, wayang gambar, siaran langsung dan cetakan dan media lain.

iii. Aktiviti pemprograman dan penyiaran

Aktiviti pemprograman dan penyiaran termasuk aktiviti mencipta atau mendapat hak untuk mengedar dan menyiarkan kandungan rancangan radio, televisyen dan program data hiburan, berita, bual bicara dan seumpamanya. Termasuk juga penyiaran data biasanya diintegrasi bersama siaran radio atau televisyen. Penyiaran boleh dilakukan menggunakan pelbagai teknologi melalui siaran ke udara, satelit, rangkaian kabel atau internet. Bahagian ini juga termasuk pengeluaran rancangan yang tertumpu kepada langganan atau dasar yuran kepada pihak ketiga untuk siaran umum (format khusus seperti berita, sukan, pendidikan, program remaja).

iv. Telekomunikasi

Telekomunikasi termasuk aktiviti menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan aktiviti yang berkaitan, seperti transmisi suara, data, teks, bunyi dan video. Kemudahan transmisi ini mungkin berdasarkan satu teknologi atau kombinasi bagi teknologi tersebut. Lazimnya aktiviti yang diklasifikasikan dalam bahagian ini adalah transmisi kandungan tanpa melibatkan penciptaannya. Pecahan di dalam bahagian ini adalah bergantung kepada jenis infrastuktur yang beroperasi.

v. Aktiviti pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan

Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan termasuk aktiviti penyediaan kepakaran di dalam bidang teknologi maklumat seperti

penulisan, pengubahsuaian, percubaan dan perisian sokongan bagi memenuhi kehendak pelanggan tertentu; merancang dan mereka bentuk sistem komputer dengan mengintegrasikan teknologi perkakasan, perisian komputer dan komunikasi, pengurusan di lapangan dan operasi sistem komputer pelanggan dan/atau kemudahan memproses data; menyediakan infrastruktur untuk *hosting* atau perkhidmatan prosesan data, dan aktiviti perkhidmatan profesional dan teknikal yang berkaitan dengan komputer.

vi. Aktiviti Perkhidmatan maklumat

Aktiviti perkhidmatan maklumat termasuk aktiviti carian web portal, prosesan data dan *hosting*, serta aktiviti lain pembekalan maklumat.

Tahun banci	Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci
Tahun rujukan	Tahun rujukan bagi banci ini ialah tahun takwim 2010. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sebahagian besar daripada tahun rujukan.
Metodologi	Banci dilaksanakan secara mel dengan menggunakan borang soal selidik. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkap dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada Jabatan ini. Selepas tempoh tersebut, kerja luar dijalankan untuk mendapatkan borang lengkap daripada pertubuhan yang tidak memberi jawapan.
Unit melapor	Banci ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pertubuhan . Pertubuhan ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat / lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berbeza berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk. Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza. Oleh itu, setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktisnya, akaun biasanya disediakan secara berpusat yang sukar untuk

